

**RISALAH PENDEDAHAN PRODUK**  
iAccelerating CI

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iAccelerating CI. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

**1. Apakah produk ini?**

Ini merupakan rider potongan unit yang menawarkan perlindungan penyakit kritis yang komprehensif kepada Orang yang Diinsuranskan sehingga umur <Umur> tahun, tertakluk kepada kemapanan polisi asas. Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar secara sekalus jika Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan apa-apa penyakit kritis yang dilindungi, kecuali untuk Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. Jika terdapat sebarang tuntutan di bawah rider ini, aman bagi manfaat kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang akan dibayar di bawah Polisi asas akan dikurangkan dengan jumlah aman manfaat yang telah dibayar di bawah rider ini. Apabila 100% Jumlah Diinsuranskan Rider telah dibayar, rider ini akan ditamatkan.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Rider ini melindungi Penyakit Kritis yang disenaraikan di bawah. Jumlah yang Diinsuranskan bagi rider ini ialah RM <Jumlah>.

No.	Penyakit Kritis	No.	Penyakit Kritis
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Pembedahan Injap Jantung
2.	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari*	26.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
3.	Sindrom Apallic ( <i>iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan</i> )	27.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
4.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	28.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
5.	Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	29.	Hilang Keupayaan Bertutur
6.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	30.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7.	Pembedahan Otak	31.	Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang
8.	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	32.	Penyakit Sistik Medular
9.	Kardiomiopati - keterukan tertentu	33.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
10.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	34.	Sklerosis Multipel
11.	Hepatitis Autoimun Kronik	35.	Distrofi Otot
12.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	36.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
13.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	37.	Kelumpuhan Anggota
14.	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	38.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
15.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	39.	Poliomielitis
16.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	40.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
17.	Demam Hemorrhagic Ebola	41.	Skleroderma Progresif
18.	Elefantasis	42.	Penyakit Arteri Koronari Serius
19.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	43.	Sindrom Eisenmenger Teruk
20.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	44.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
21.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	45.	Pembedahan Aorta
22.	AIDS Dengan Gejala Penuh	46.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
23.	Hepatitis Viral Fulminan	47.	Penyakit Terminal
24.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	48.	Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritis yang dilindungi di bawah rider ini.

**\*Catatan:**

- Untuk tuntutan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada jumlah rider yang diinsuranskan (tertakluk kepada maksimum RM 25,000 di bawah semua polisi bagi Orang yang Diinsuranskan yang sama) akan dibayar dan jumlah rider diinsuranskan akan ditolak dengan sewajarnya. Jumlah rider diinsuranskan yang tertolak akan dibayar apabila Penyakit Kritis yang seterusnya telah didiagnosis.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 5 tahun pada hari jadi berikut, sebarang tuntutan tertolak yang akan dibayar adalah seperti yang berikut:

Umur ketika Diagnosis Penyakit Kritis	Peratusan Pembayaran Tuntutan
1 tahun pada hari jadi berikut	20%
2 tahun pada hari jadi berikut	40%
3 tahun pada hari jadi berikut	60%
4 tahun pada hari jadi berikut	80%
5 tahun ke atas pada hari jadi berikut	100%

Tempoh Perlindungan: Sehingga berlakunya penamatian pelan asas/ rider, pembayaran penuh 100% jumlah rider / asas yang diinsuranskan, tamat tempoh rider atau kematian Orang yang Diinsuranskan, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

Ini adalah rider potongan unit. Sila rujuk ilustrasi jualan untuk caj insurans bagi rider ini.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

Caj insurans rider ini akan meningkat berikutan dengan peningkatan umur anda dan ia akan ditolak setiap bulan daripada nilai dana anda. Maklumat terperinci berkenaan dengan caj insurans rider ini ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

**Catatan:**

- Caj insurans dalam ilustrasi jualan hanya diaplikasi kepada risiko piawai sahaja.
- Caj Insurans untuk rider ini adalah tidak terjamin dan mungkin akan menambah semasa pembaharuan. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans dengan memberi notis 90 hari awal kepada anda.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendekah semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider anda dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dan memulangkan dokumen rider dalam tempoh masa 15 hari selepas dokumen rider dihantar kepada anda. Apabila pembatalan rider dibuat, kami akan memulangkan caj insurans rider ini, tolak sebarang pembelanjaan perubatan yang telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan rider ini, dan rider anda akan dibatalkan.
- Tempoh menunggu - Kelayakan manfaat Rider ini hanya akan bermula:
  - (i) 60 hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius.
  - (ii) 30 hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Penyakit Kritis lain yang dilindungi.
- Nilai Dana Perlindungan - baki nilai unit bagi premium pelan asas dan Premium Tambahan Terhad (jika ada) yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Nilai Dana Pelaburan - baki nilai unit bagi Premium Tambahan Berkala dan Premium Tambahan Tunggal (jika ada) yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Jumlah Nilai Dana - penjumlahan Nilai Dana Perlindungan (PFV) dan Nilai Dana Pelaburan (IFV) yang bergantung pada prestasi dana pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul nilai dana di bawah polisi anda.
- Polisi luput - rider akan dibatalkan jika polisi asas luput akibat Jumlah Nilai Dana (TFV) tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain serta Jaminan Berkukuasa telah dibatalkan.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari awal. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkukuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis tuntutan - notis bertulis mestilah diberikan kepada kami dalam tempoh masa 6 bulan selepas tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritis.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat yang lengkap.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?**

Tiada manfaat akan dibayar jika Penyakit Kritisik Orang yang Diinsuranskan adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:

- apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk kejadian Penyakit Kritisik;
- tanda-tanda atau simptom Penyakit Kritisik dapat dilihat dengan jelas sebelum atau:
  - dalam masa enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu) dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
  - dalam masa tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritisik lain;
- dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
- Keadaan Sedia Ada\* yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
- kewujudan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Kejadian penyakit kritisik mengenai Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan adalah dikecualikan. Untuk tujuan ini,
  - (i) definisi untuk AIDS akan menggunakan definisi yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau sebarang semakan yang berikut oleh WHO pada definisi tersebut.
  - (ii) jangkitan dianggap telah berlaku apabila pada pendapat kami ujian darah dan ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia atau Antibodi terhadap virus tersebut.
- kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan berumur tujuh belas (17) tahun;
- kecederaan diri yang disengajakan;
- pengaruh dadah atau alkohol; atau
- Orang yang Diinsuranskan tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar.

\*Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Orang yang Diinsuranskan mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Orang yang Diinsuranskan dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada jika:-

- (i) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai pengecualian yang lengkap.

**7. Bolehkah saya batalkan rider ini?**

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, perlindungan akan diberikan sehingga hari sebelum caj insurans bulanan seterus perlu dibayar.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda supaya memastikan semua surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.**

Sila tanya kami/ ejen anda untuk pelan yang seumpama yang kami tawarkan.

**MAKLUMAT PENTING:**

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujui Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.